

UCAPAN PERDANA MENTERI MELALUI TV/
RADIO MALAYSIA SEMPENA HARI RAYA
AIDILFITRI PADA MALAM 6HB NOVEMBER, 1972

Saudara-saudara.

Malam ini dari setiap masjid dan surau seluruh negara akan bergemalah suara takbir dan tahmid menandakan terbitnya awal bulan Syawal dan dengan itu kita merayakan Hari Aidilfitri besok.

Mengambil sempena hari yang berbahagia itu, saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada saudara-saudara kaum Muslimin dan Muslimat jauh dan dekat, sambil berdoa mudah-mudahan Allah memberikan pertunjuk dan perlindungan-Nya kepada kita serta memberkati usaha-usaha yang kita jalankan pada setiap masa.

Sebagai umat Islam yang taqwa, kita telah selamat menunaikan Fardhu Puasa sepanjang bulan Ramadan dan berikutnya mengeluarkan Zakat dan Fitrah sepertimana yang dikehendaki oleh Allah. Saya berharap pengajaran yang kita dapati dari amal saleh ini, iaitu menempuh ujian lapar dan dahaga, bertekun dan bersabar akan tambah meneguhkan iman dan azam kita di samping meninggikan rasa keinsafan terhadap penderitaan hidup mereka yang kurang bernasib baik dan memerlukan kasihan serta bantuan.

Saudara-saudara,

Hari yang mulia ini sewajarnya kita sambut dengan amalan baik sambii bersukaria bersama kaum keluarga dan sahabat handai sekalian menandakan kesyukuran kepada Allah atas rahmatNya. Dalam pada itu, patutlah juga kita mengenangkan mereka yang telah mendahului kita ke alam baqa khususnya pemimpin dan pahlawan bangsa yang telah berkhidmat dan berbakti kepada negara hatta berkorban jiwa raga. Pengajaran ini amatlah penting terutama sekah kepada anak-anak jenerasi muda supaya tertanam di hati sanubari mereka keinsafan dan kesedaran akan sejarah kebangkitan bangsa untuk diwarisi selama-lamanya.

Saudara-saudara,

Saya sungguh sukacita Hari Raya Puasa tahun ini dapat dirayakan dalam suasana gembira dan meriah oleh kaum Muslimin di tanah air dengan disertai oleh sahabat handai dari ugama-ugama lain.

Baru beberapa hari yang lalu kaum Hindu di seluruh Malaysia merayakan Pesta Cahaya atau Deepavali dan kira-kira sebulan lagi kaum Keristian pula akan menyambut Hari Natal atau Krismas. Kemudian Kaum China akan menyambut Tahun Barunya. Inilah satu keistimewaan masyarakat kita yang berbilang bangsa di mana kekuatan terletak pada wujud dan kekalnya perpaduan rakyat, semangat muhibbah dan saling mengerti antara satu dengan lain tanpa mengira kepercayaan ugama atau aliran politik masing-masing.

Sambii merayakan hari-hari kebesaran, kita patut juga sentiasa sedar dan mengambil tahu keadaan sekeliling kita khasnya yang bersangkutan dengan keselamatan dalam negeri dan situasi politik antarabangsa Syukur Alhamdulillah, keadaan keselamatan pada amnya adalah semakin baik terutama di kawasan sempadan dengan adanya kerjasama dari negara-negara sahabat kita Indonesia dan Thailand.

Pada hari ini kita sayugianya mengingat dan berterima kasih kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang menjalankan tugas di ban hadapan dan tidak dapat bersama berhari raya dengan kaum keluarga mereka. Mudah-mudahan Allah memberikan mereka perlindungan dan dipelihara dari segala angkara musuh.

Suasana politik antarabangsa dewasa ini khasnya untuk rantau Asia Tenggara ini menunjukkan tanda-tanda cerah dengan harapan tercapainya keamanan tidak berapa lama lagi. Dengan adanya usaha-usaha positif mencari penyelesaian sengketa di Vietnam Selatan dan seluruh Indo China membuka jalan kearah perdamaian antara pihak-pihak yang berkenaan dan memulihkan keamanan yang berkekalan. Hakikat ini memperkukuhkan azam kita hendak meneruskan usaha menjadikan rantau ini kawasan damai, bebas dan berkecuali seperti yang dicita-citakan itu.

Saudara-saudara,

Dalam bulan September lalu, saya telah membuat lawatan ke beberapa buah negara Eropah iaitu Switzerland, Austria, Poland dan Soviet Union. Hasil-hasil yang saya dapati dari lawatan itu sangatlah memuaskan kerana selain dari mempererat tali persahabatan dengan negara-negara tersebut, saya menyaksikan sendiri ketabahan dan azam rakyat mereka membangunkan ekonomi negara serta bandar-bandar yang ranap musnah semasa Perang Dunia dulu sama seperti keadaan sediakala. Hubungan baik dengan negara-negara itu membuka lembaran baru dalam bidang kerjasama ekonomi dan sosial.

Pada hemat saya, inilah pelajaran yang patut dijadikan tauladan oleh rakyat kita terutama sekali orang-orang Melayu dan Bumi-putra. Kejayaan hidup hanya boleh didapati dari usaha yang bersungguh-sungguh yang dilakukan dengan penuh jujur dan dedikasi. Pokok yang utama ialah kemahuan untuk berusaha dan keazaman hendak berjaya dalam satu-satu lapangan hidup. Inilah intisari dari usaha-usaha pembangunan besar-besaran yang dilakukan oleh Kerajaan hari ini, yang menghendaki semua pihak dan golongan mengambil bahagian dan melibatkan usaha masing-masing.

Saya ingin mengingatkan orang-orang kita supaya menentukan sikap hari ini sama ada hendak maju ke hadapan supaya sama setanding dengan kaum yang lain di negeri ini dan bangsa-bangsa lain di dunia antarabangsa. Peluang yang baik hanya datang sekali dan kalau kita tidak segera merebutnya maka tentulah akan ketinggalan di belakang dalam perlumbaan hidup zaman ini.

Saudara-saudara,

Saya suka mengulangi lagi pesanan tentang perlunya orang-orang kita memahami hakikat ekonomi kewangan dalam kehidupan hari ini yang bermakna meninggikan pendapatan sambil menyimpan sebahagian dari pendapatan untuk dijadikan modal laburan atau lain-lain. Syukur Alhamdulillah, seruan saya kepada anggota-anggota angkatan tentera supaya menjimatkan wang arrears mereka mendapat sambutan yang memuaskan. Saya harap golongan lain yang akan menerima arrears pula iaitu guru-guru dan guru-guru agama akan berbuat demikian untuk kebajikan mereka di masa hadapan.

Dalam hubungan ini, suka saya berseru lagi kepada kaum Muslimin supaya memberikan sokongan kepada Tabung Ekonomi Islam yang dilancarkan serentak dengan kutipan fitrah tahun ini. Dengan cara ini, kita berharap akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi orang-orang Islam dengan merancang projek yang boleh membawa kemakmuran dan kesejahteraan hidup mereka. Akan tetapi, syaratnya mereka juga hendaklah melibatkan diri dalam usaha-usaha itu dan tidak hanya berpeluk tubuh menunggu bulan jatuh ke riba.

Saudara-saudara,

Saya ingin juga menegaskan lagi tentang perlunya perpaduan rakyat kalau kita hendak terus hidup dan maju sebagai satu bangsa. Adalah menjadi kewajipan setiap rakyat memahami serta mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara. Ini amatlah penting terutama sekali semasa kita sedang menentukan keperibadian bangsa Malaysia dan mencari bentuk corak kesenian dan kebudayaan yang tahan, dan bakal diwariskan kepada jenerasi akan datang. Cita-cita kita ialah membentuk serta membina bangsa Malaysia baru yang dipupuk dengan semangat kesusilaan dan mempunyai tamaddun sains dan teknologi.

Akhir kata, sempena hari-hari kebesaran yang menjelang tiba, saya berharap rakyat seluruhnya akan membaharui azam dan tekad untuk bergerak dengan lebih giat lagi untuk mencapai cita-cita kita bagi mendapatkan taraf hidup yang bahagia dan makmur dalam negara yang aman dan tenteram.

Mudah-mudahan Allah memberkati segala usaha-usaha kita yang suci dan kita sentiasa berada dalam peliharaan Allah.